

PIM: Tiada maaf bagi pengedar dadah

KUALA LUMPUR, 27 OCT 1985 — Datuk Sri Dr. Mahathir Mohamad hari ini memberi amaran kepada sesiapa yang berminat menjadi pengedar dadah supaya ingat bahawa akhirnya riwayat mereka akan tamat di tali gantung.

Kata Perdana Menteri, tidak ada tolak ansur bagi pengedar dadah yang sebenarnya membunuh lebih ramai rakyat negara ini secara perlahan - lahan.

"Tiada maaf bagi mereka kerana pengedar dadah adalah manusia kejam, tidak berperikemanusiaan dan penjenayah yang membunuh lebih ramai rakyat secara perlahan - lahan," katanya ketika merasmikan persidangan kebangsaan penglibatan ibu bapa dalam pencegahan dadah di sini hari ini.

Sesiapa yang berminat menjadi pengedar dadah, tegas Perdana Menteri, harus ingat bahawa harta yang mereka perolehi dari jenayah mereka akan dirampas.

Tambahnya, hukuman mati akan dikenakan kepada sesiapa yang memiliki dadah yang melebihi had tertentu tanpa mengira sama ada mereka adalah warganegara Malaysia atau warganegara asing.

Datuk Sri Dr. Mahathir berkata, dalam usaha menentang dadah, nilai-nilai budaya yang lama patut dihidupkan semula kerana sejarah telah membuktikan bagaimana dalam masyarakat Barat, perkembangan penagihan dadah mempunyai kaitan dengan keruntuhan moral dan penolakan agama.

"Kita harus menolak aspek kebudayaan Barat yang boleh menghakis nilai - nilai budaya kita, berpegang teguh kepada ajaran agama kerana sekiranya tidak, kita akan hanyut mengikut arus aliran nilai semasa yang merosakkan," ujarnya.

Beliau mengingatkan

anggota angkatan tentera dan polis supaya menjauhi diri dari dadah kerana ia boleh melemahkan keupayaan dan ketahanan sesuatu bangsa.

Menurut Perdana Menteri, masalah dadah ialah masalah yang menular di dalam masyarakat dan dengan demikian setiap anggota masyarakat mempunyai peranan yang penting dalam membantu usaha - usaha kerajaan dalam memerangi wabak ini.

Dahulu, ujarnya, anak muda lebih terkawal dan mereka terdedah semata-mata kepada kebudayaan bangsa sendiri dengan tunjuk ajar ibu bapa.

"Tetapi, sekarang, disebabkan oleh perubahan kebudayaan dan adat resam, anak muda kita lebih bebas, terdedah kepada bermacam - macam kebudayaan asing dan tidak sebegitu mudah dididik oleh ibu bapa," katanya.

Kata Perdana Menteri, dalam keadaan ini, mereka mudah terperangkap dengan kegiatan - kegiatan luar yang tidak sihat dan mereka lebih mengutamakan pandangan rakan daripada ibu bapa dan keluarga.

Beliau mahu ibu bapa mendidik anak daripada kecil lagi dengan menyifatkan dadah sebagai najis dan tidak boleh disentuh.

Katanya, jika ini dapat ditanam dalam hati sanubari anak-anak, maka sebahagian daripada kejaya-

an mencegah dadah akan tercapai.

Menurutnya, dari tahun 1983 hingga Ogos 1985, seramai 13,239 orang penagih dadah telah mengikuti program rawatan dan pemulihan berbanding dengan seramai 9,142 orang sahaja dari tahun 1980 hingga 1982.

Renungan

"SESUNGGUHNYA penolong kamu hanyalah Allah dan rasul-Nya dan orang-orang yang beriman." —

Maksud Al-
Quran/Surah Al-
Maidah: 55.